



23 APR, 2022

## Jenama tunggal bantu produk agromakanan tembusi antarabangsa

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 3

# Jenama tunggal bantu produk agromakanan tembusi antarabangsa

Usaha penerokaan pasaran antarabangsa dikonsolidasikan melalui pengukuhan peranan syarikat Malaysia sebagai EMC Malaysia di luar negara: Ronald

**KUALA LUMPUR:** Lebih banyak produk industri asas tani (agromakanan) negara dijangka menembusi pasaran antarabangsa melalui kolaboratif strategik awam-swasta menerusi pemerkasaan single branding (jenama tunggal) di bawah inisiatif Malaysian Export Management Company - EMC (MyEMC).

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Khandee berkata, di bawah inisiatif itu, usaha penerokaan pasaran antarabangsa dikonsolidasikan melalui pengukuhan peranan syarikat Malaysia sebagai EMC Malaysia di luar negara.

"Inisiatif ini merupakan kolaboratif strategik awam-swasta dengan penglibatan pemain industri berkaitan yang terdiri daripada usahawan pengeluar, pengeksport, pengimport luar negara dan pemasar di luar negara.

"Ia bertujuan untuk mengatasi permasalahan penembusan pasaran, pemasaran

“Ia bertujuan untuk mengatasi permasalahan penembusan pasaran, pemasaran dan juga promosi produk agromakanan di sesebuah negara pengimport.”

Datuk Seri Dr Ronald Khandee  
Menteri Pertanian dan Industri Makanan

dan juga promosi produk agromakanan di sesebuah negara pengimport," katanya selepas sesi flag off pengeksportan produk agromakanan ke Jepun di sini semalam.

Sesi Flag Off yang dilaksanakan EMC di Jepun iaitu SD Impex Japan Co., Ltd. itu turut dihadiri oleh Ketua Pengarah FAMA Datuk Zainal Abidin Yang Razalli dan Setiausaha Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan (BDI) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Khalid Ibrahim.

Beliau berkata, buat masa

ini, MAFI memfokuskan pengukuhan tiga EMC masing-masing di Jepun, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Selatan Thailand.

"Untuk itu, MAFI juga mempelawa mana-mana syarikat pengeluar dan usahawan tempatan yang ingin menjalinkan kerjasama dengan MAFI di bawah inisiatif jenama tunggal MyKitchen bagi penembusan pasaran global di negara-negara lain," katanya.

Beliau berkata, melalui Pejabat Penasihat Pertanian (PPP) di Tokyo, Jepun, yang dipantau BDI, kerjasama strategik bersama SD Impex



23 APR, 2022

## Jenama tunggal bantu produk agromakanan tembusi antarabangsa

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 3



**PERASMIAN:** Ronald menyempurnakan 'flag off' pada Majlis Flag Off Pengeksportan Produk Agromakanan ke Jepun di Ibu Pejabat FAMA, Kuala Lumpur semalam. — Gambar Bernama

Japan Co., Ltd berjaya meningkatkan jumlah eksport sebanyak 992 karton melibatkan 36 Stock Keeping Unit (SKU) terdiri daripada lebih 50,000 unit produk Ready to Eat (RTE), Ready to Drink (RTD) dan Ready to Cook (RTC).

Ia adalah keluaran 13 syarikat pengeluaran dan usahawan seluruh negara dan diletakkan di bawah jenama tunggal

MyKitchen, katanya.

Beliau berkata, kejayaan itu secara tidak langsung dapat menyumbang kepada peningkatan nilai perdagangan agromakanan antara Malaysia dan Jepun tahun ini berbanding ASD1.21 bilion (RM5.18 bilion) dicatatkan tahun lepas seterusnya menyumbang kepada trend pemulihan dan akses pasaran



**SEBAGAI KENANGAN:** Ronald (tengah) bergambar bersama barangan produk agromakanan pada Majlis Flag Off Pengeksportan Produk Agromakanan ke Jepun di Ibu Pejabat FAMA, Kuala Lumpur semalam. — Gambar Bernama

luar negara kepada produk jenama Malaysia," katanya.

Katanya, setakat April ini, sebanyak 70 SKU produk agromakanan terpilih melibatkan pelbagai syarikat pengeluaran dan usahawan di bawah Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan telah dipromosi dan dipasarkan di Jepun, berbanding hanya 12 SKU semasa inisiatif itu mula

diperkenalkan pada 2020.

Terdahulu Ronald menyaksikan sesi menandatangani memorandum persefahaman (MOU) SD Impex Japan Co., Ltd. dengan usahawan agromakanan bagi promosi dan pemasaran produk itu di Jepun sekali gus memperkukuh jenama MyKitchen dan MyKitchen Fresh di negara matahari terbit itu. — Bernama



23 APR, 2022

## Jenama tunggal bantu produk agromakanan tembusi antarabangsa

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 3 of 3

### SUMMARIES

Usaha penerokaan pasaran antarabangsa dikonsolidasikan melalui pengukuhan peranan syarikat Malaysia sebagai EMC Malaysia di luar negara: Ronald

PERASMIAN: Ronald menyempurnakan 'flag off' pada Majlis Flag Off Pengeksportan Produk Agromakanan ke Jepun di Ibu Pejabat FAMA, Kuala Lumpur semalam. — Gambar fiemama

SEBAGAI KENANGAN: Ronald (tengah) bergambar bersama barangan produk agromakanan pada Majlis Flag Off Pengeksportan Produk Agromakanan ke Jepun di Ibu Pejabat FAMA, Kuala Lumpr semalam. — Gambar Bemama

Japan Co.